

EDARAN PERCUMA

INFOZAKAT

KELUARAN 3/2020



Majlis Pelancaran

ZAKAT
PULAU PINANG

Bulan-Bulan Zakat

NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020

Tarikh : 10 September 2020 / 22 Muharram 1442 Hijrah

Hari : Khamis

Tempat : Masjid Timah, Kg Masjid Timah, Perai.

MAJLIS PELANCARAN BULAN-BULAN ZAKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020

10 September 2020, Permatang Pauh : Matlamat utama penganjuran Program Bulan-bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 ini bertujuan untuk menyemarakkan kesedaran berzakat kepada semua umat Islam seterusnya memberi manfaat dan impak yang besar kepada pembayar dan penerima zakat khususnya di negeri Pulau Pinang.

Penganjuran program ini diperkasakan dengan program bersepadu selama 4 bulan di seluruh negeri Pulau Pinang yang bermula pada bulan September sehingga bulan Disember. Terdapat 22 program yang akan dijalankan oleh ZPP sepanjang program ini.

Semoga penganjuran Program Bulan-bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 ini berjaya mempromosi dan menyebarluaskan informasi berkaitan kewajipan ibadah zakat dan pengurusannya oleh ZPP.

Majlis pelancaran dan bacaan yasin sempena Bulan-bulan Zakat Negeri Pulau Pinang telah diadakan di Masjid Timah, Kampung Masjid Timah, Perai dan dirasmikan oleh YB. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.



LAWATAN KE TAPAK RUMAH ZAKAT

11 JULAI 2020, Seberang Perai Utara : Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En. Amran Hazali telah turun padang untuk melihat sendiri bagaimana proses pembinaan rumah zakat yang sedang dijalankan di Permatang Che Tak, Sungai Dua.

Ini bagi melihat proses pembinaan rumah tersebut mengikut spesifikasi dan juga tempoh masa yang diberikan untuk disiapkan. Ini bagi membolehkan penerima bantuan dapat memiliki kediaman yang sempurna.

Dalam lawatan berkenaan, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP turut meluangkan masa bertanya khabar keluarga asnaf tersebut mengenai keadaan semasa mereka.





SERAHAN BANTUAN RUMAH ZAKAT

11 JULAI 2020, Pokok Sena : Majlis serahan bantuan rumah zakat ini telah diadakan di Permatang Haji Hassan, Kepala Batas. Serahan kunci rumah telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, En. Amran Hazali. Penerima bantuan rumah tersebut, En.Mohd Sabri Bin Sahar berasa amat bersyukur dan berterima kasih kepada ZPP serta seluruh pembayar zakat.





MAJLIS HI-TEA DAN PEMBAYARAN ZAKAT KORPORAT

27 OGOS 2020, Seberang Jaya : Majlis Hi-Tea bersama agensi korporat ini merupakan program tahunan bagi Zakat Pulau Pinang (ZPP) dalam menghargai agensi-agensi yang berzakat di ZPP. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Dalam majlis ini, sebanyak 6 buah syarikat korporat telah menunaikan zakat perniagaan mereka bagi tahun haul 2019.

Antara tetamu yang diraikan dalam majlis ini adalah



En. Zolkefli Awang, Ketua Wilayah Utara Maybank Utara, En. Hanif Abidin, Ketua Korporat & Kumpulan Wilayah Utara, Prof. Madya Dr. Suhaimi Ab. Rahman, Penasihat Syariah QSR Brand, En. Izuwan Mahyudin, Ketua Bahagian Syariah Bank Muamalat, Datuk Haji Mohamad Ali Hassan, Naib Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, En Mahadir Ibrahim, Ketua Pegawai Operasi Rural Capital Berhad dan pengurusan kanan agensi-agensi serta wakil.

Semoga program ini diteruskan di masa hadapan serta memberi manfaat buat semua pihak Insya Allah.





KUNJUNGAN HORMAT ZPP KE KEDIAMAN TYT

1 September 2020, Georgetown : Kunjungan hormat ini telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), En Amran Hazali. Turut serta dalam kunjungan ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pentadbiran), En. Mohamad Fuad Md Isa dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), En. Mohamad Kairi bin Ghazali.

Tujuan kunjungan hormat ini adalah bagi melaporkan perkembangan terkini pengurusan zakat di negeri Pulau Pinang khasnya berkaitan Bantuan Khas Covid-19. Selain itu, kunjungan ini juga bertujuan bagi mendengar pandangan serta idea dari Tuan Yang Terutama Tun berhubung pengurusan ZPP di Pulau Pinang. Kunjungan ini juga adalah sebagai menghargai sokongan dan dokongan Tuan Yang Terutama Tun terhadap ZPP selama ini.

Semoga Allah memberi kesihatan yang baik serta melanjutkan usia Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.



LAWATAN KE MYPAC

30 September 2020, Shah Alam : Lawatan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang (ZPP), En. Amran Hazali ke Malaysian Professional Accountancy Centre (MyPac) ini telah disambut oleh Datuk Zaiton Mohd Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif MyPac.

Tujuan lawatan ini adalah bagi melihat pencapaian dan prestasi anak-anak asnaf di bawah tajaan ZPP. Program ini adalah usaha kecil ZPP dan MyPac bagi melihat anak-anak asnaf berjaya di dalam sektor profesional serta mengangkat martabat anak-anak asnaf di Pulau Pinang





LAWATAN KERJA KE LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

30 September 2020, Shah Alam : Lawatan kerja ke Lembaga Zakat Selangor (LZS) ini telah diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), En. Amran Hazali bersama pegawai-pegawai pengurusan ZPP. Lawatan kerja ini telah disambut mesra oleh Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Tuan Haji Saipolyazan Mat Yusop dan pegawai pengurusan kanan.

Lawatan ini bertujuan merapatkan ukhuwah, bertukar-tukar pandangan dan idea berkenaan program-program terbaru yang boleh memberi impak kepada agihan dan kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang. Dalam pada itu juga ZPP turut dibawa melihat operasi sekitar Ibu Pejabat LZS. Semoga dengan kunjungan ini dapat memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang disediakan oleh ZPP.





PROGRAM BICARA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BERSAMA KARIAH SPU

9 September 2020, Kepala Batas : Program bicara Ketua Pegawai Eksekutif ini telah berlangsung di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kepala Batas, Pulau Pinang yang dihadiri oleh Jawatankuasa Kariah sekitar Seberang Perai Utara (SPU). Program ini merupakan kerjasama di antara Pejabat Agama Daerah Kepala Batas dan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Pelaksanaan program ini membolehkan ZPP berkongsi maklumat tentang pengurusan zakat di negeri Pulau Pinang serta mendengar idea serta pandangan dari ahli jawatankuasa kariah yang hadir. InshaAllah ZPP berhasrat untuk mengadakan program seumpama ini di setiap daerah di negeri Pulau Pinang.





SEMBANG PETANG CEO ZPP BERSAMA KOMUNITI FARMASI MUSLIM PULAU PINANG

18 September 2020, Kepala Batas : Program Sembang Petang Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP) bersama Komuniti Farmasi Muslim Pulau Pinang ini telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas.

Antara tujuan program ini adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim, meneroka ruang kerjasama antara kedua-dua agensi dan sebagai medium menyampaikan info berkaitan pengurusan zakat di negeri Pulau Pinang. Semoga program ini memberi manfaat besar buat semua, Insya Allah.



SEMBANG PETANG CEO ZPP BERSAMA SUTERA

8 September 2020, Seberang Jaya : Program Sembang Petang Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP) bersama Persatuan Setiausaha Syarikat Bumiputera Wilayah Utara (SUTERA) ini telah berlangsung di Hotel The Light, Seberang Jaya. Turut hadir pada majlis ini ialah YDP SUTERA, En. Othman Kamal Bin Abdul Samad serta ahli-ahli SUTERA yang lain.

Antara tujuan program ini adalah bagi mengeratkan hubungan silaturahim, meneroka ruang kerjasama antara kedua-dua agensi serta sebagai medium menyampaikan info berkaitan pengurusan ZPP di Pulau Pinang. Semoga program ini memberi manfaat besar buat semua, Insya Allah.



NAFAS TUNAI ZAKAT

1 OKTOBER 2020, Georgetown : Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah menunaikan zakat perniagaan bagi tahun haul 2019 yang berjumlah RM 2,031,192.53. Majlis penyerahan zakat tersebut telah berlangsung di Seri Mutiara, Kediaman Rasmi TYT. Zakat yang diserahkan sendiri oleh Dr Anis Mahmud@Abdul Samad, Pengurus NAFAS tersebut telah diterima oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.



MAJLIS SERAHAN BANTUAN RUMAH DI TASEK GELUGOR

2 Oktober 2020, Tasek Gelugor : Majlis serahan rumah bantuan zakat telah dihadiri oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, En. Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang dan En. Abdul Hafiz Abd Majid, Ketua Pegawai Eksekutif DFZ Agency Sdn. Bhd.

Rumah bantuan berkenaan telah diserahkan oleh YB Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman kepada En. Zulkifli Che Ani. Dalam majlis yang sama Ketua Pegawai Eksekutif DFZ Agency Sdn Bhd turut menyumbang perkakasan rumah seperti perabot dan juga peralatan dapur bagi meringankan lagi beban En. Zulkifli sekeluarga. Terima kasih pembayar zakat.




RM 246,000.00 BANTUAN UNTUK SMAR DAN SABK

2 OKTOBER 2020, Kepala Batas : Majlis Penyerahan Bantuan Biasiswa Kecil SMAR & SABK Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 telah berlangsung di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas.

Majlis anjuran Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) ini dihadiri oleh para pengetua, guru-guru serta pelajar dari 25 Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seluruh negeri Pulau Pinang.

Dalam majlis tersebut, dana zakat berjumlah RM 246,000.00 diserahkan Zakat Pulau Pinang, MAINPP kepada Bahagian Pendidikan, JHEAIPP untuk diagihkan kepada SMAR dan SABK berkenaan.

Teruskan berzakat di Zakat Pulau Pinang, MAINPP. Sumbangan zakat kita semua amat bermakna buat para guru serta pelajar SMAR dan SABK.



Pengurus Besar, Jabatan Operasi Agihan, Zakat Pulau Pinang menyerahkan 'mock cheque' kepada Ustaz Hj. Rosli Othman, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan JHEAIPP



ZIARAH KELUARGA RIDER FOODPANDA TERLIBAT KEMALANGAN MERAGUT NYAWA

15 OKTOBER 2020, Sungai Bakap : Zakat Pulau Pinang menziarahi keluarga arwah 'rider' Foodpanda, saudara ABD RASHID BIN MOHAMAD, yang terlibat kemalangan meragut nyawa pada 13 Oktober lalu. Beliau adalah seorang 'rider' Foodpanda sepenuh masa. Arwah meninggalkan seorang isteri dan 4 orang anak perempuan yang masih kecil. Sumbangan kecemasan turut dihulurkan dalam kunjungan tersebut sementara menunggu Bantuan Kewangan Sarahidup dan Bantuan Persekolahan yang akan menyusul. Insya Allah.

Doakan semoga Allah mempermudahkan urusan keluarga arwah, serta menempatkan arwah bersama mereka yang soleh di syurga. Ameen...



Ustaz Muhamad Shahril Mohd Nasir,
Pengurus Bahagian Kebajikan Asnaf,
Jabatan Operasi Agihan, ZPP
menyerahkan sumbangan



Ziarah Kasih ASNAF BERSAMA SYARIKAT KORPORAT

21 OKTOBER 2020 , Bukit Mertajam : 2 buah syarikat korporat iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan QSR Brands (M) Holding Sdn. Bhd. turun padang menziarahi 8 keluarga asnaf bersama Team Peduli Asnaf, Zakat Pulau Pinang, MAINPP dalam Program Ziarah Kasih Asnaf yang diadakan baru-baru ini.

Dalam program tersebut, Bank Islam Malaysia Berhad dan QSR Brands (M) Holding Sdn. Bhd. menyerahkan sendiri sumbangan berbentuk hamper dan wang tunai kepada asnaf-asnaf penerima bantuan Zakat Pulau Pinang, MAINPP.

Program Ziarah Kasih Asnaf ini bertujuan mendekatkan serta memupuk silaturahim antara muzakki (pembayar zakat) dan mustahiq (penerima bantuan zakat). Ianya juga diharap dapat memupuk semangat kerjasama antara agensi serta semua pihak dalam membantu asnaf memerlukan khususnya di negeri Pulau Pinang.

Semoga program ini dapat diteruskan dengan penyertaan lebih banyak pihak dan agensi di masa depan serta memberi manfaat besar kepada muzakki dan mustahiq, Insya Allah.

Sumbangan dari Bank Islam Malaysia Berhad buat asnaf

QSR Brands (M) Holding Sdn-Bhd menyerahkan sumbangan buat asnaf terlantar

Ketua Pegawai Ekzekutif Zakat Pulau Pinang menyampaikan sumbangan dari Zakat Pulau Pinang



ELAUN TAMBAHAN UNTUK GURU KAFA

22 OKTOBER 2020, Perai – Perkara tersebut diumumkan oleh YB. Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam satu majlis yang dihadiri oleh Guru-Guru Besar KAFA seluruh negeri Pulau Pinang di Ixora Hotel, Perai baru-baru ini.

Menerusi agihan zakat pendidikan, Zakat Pulau Pinang menyedari peranan penting dalam penyaluran dana zakat melalui kepelbagaiannya skim dan bentuk bantuan pendidikan. Salah satunya ialah sumbangan elaun tambahan Guru-Guru KAFA Pulau Pinang

Setiap tahun, Zakat Pulau Pinang memperuntukkan sumbangan elaun tambahan untuk Guru-Guru KAFA yang turut menjadi tulang belakang kepada pendidikan Islam kanak-kanak. Pada tahun ini sumbangan elaun tersebut telah dinaikkan lagi. Peruntukan berjumlah RM3,015,000.00 ini melibatkan sumbangan kepada guru sebanyak RM150.00 seorang dan Guru Besar sebanyak RM200.00 seorang.

Zakat Pulau Pinang berharap warga KAFA serta waris para pelajar dapat menjadi ejen mempromosi Zakat Pulau Pinang kepada masyarakat sekeliling. Seluruh warga KAFA turut diseru agar bersama-sama menyumbang zakat melalui potongan gaji bulanan walaupun hanya dengan jumlah yang minimum.

Teruskan sokongan dan sumbangan zakat anda di Zakat Pulau Pinang, MAINPP.



Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 10

Projek Peladang Nanas Zakat Pulau Pinang, MAINPP

Projek kerjasama Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Wakaf Pulau Pinang dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.



Jenis nanas yang ditanam
Moris & MD2

Sasaran tanaman
100,000 benih nanas

Lokasinya adalah di
Tanah Wakaf Masriyah, Ara Kuda
(berkeluasan 12 ekar)



zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 13

PROGRAM MYBIDAN [USAHAWAN ASNAF ZAKAT PULAU PINANG]

Program ini merupakan satu inisiatif terbaru ZPP untuk membantu para asnaf menceburkan diri keusahawanan sekaligus berusaha menaik taraf kedudukan ekonomi mereka melalui pendekatan mentor-mentee.



Program ini menawarkan kursus perkhidmatan urutan wanita berpantang yang juga turut merangkumi urutan, terapi kecantikan dan kesihatan yang berkait rapat dengan penjagaan diri wanita.



zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 19

BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Program tahunan ZPP ini bertujuan membantu meringankan beban kewangan ibu bapa dalam persediaan persekolahan anak-anak mereka.



**Pra sekolah & tadika tidak dipertimbangkan.

zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 11

Kempen **TAKSIR & BAYAR** ZAKAT PERNIAGAAN

Team Kutipan Zakat Pulau Pinang bersedia membantu untuk taksir kadar bayaran zakat dengan hadir ke premis peniaga-peniaga di sekitar Pulau Pinang.

Baru Mula Niaga
@ Kecil-kecilan

Team Kutipan 1
0183882320



Enterprise, Koperasi
Sdn Bhd @ Online Biz

Team Kutipan 2
0134371739



Sdn Bhd,
Syarikat Awam Berhad
Koperasi dan lain-lain

Team Kutipan 3
0134555598



zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 17

GERAN TAHUNAN ZAKAT PULAU PINANG

KEPADA JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN
HOSPITAL-HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Tujuan geran ini adalah untuk membantu golongan asnaf fakir dan miskin yang memerlukan bantuan perubatan segera seperti kos rawatan, kos pengangkutan, kerusi roda, susu formula, lampu pakai buang, tongkat dan lain-lain lagi.

Hospital terlibat dan jumlah sumbangan:

No	Perkara	Jumlah
1	Hospital Pulau Pinang	RM 80,000.00
2	Hospital Seberang Jaya	RM 40,000.00
3	Hospital Bukit Mertajam	RM 10,000.00
4	Hospital Kepala Batas	RM 10,000.00
5	Hospital Sungai Bakap	RM 10,000.00
6	Hospital Balik Pulau	RM 10,000.00
7	KK Barat Daya	RM 2,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		RM 162,000.00

Bantuan peralatan

- 1. Kerusi Roda 60 unit: RM 15,000.00
- 2. Suction Machine 90 unit: RM 40,500.00

**JUMLAH KESELURUHAN PERUNTUKAN
TAHUNAN: RM 217,500.00**



zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



Tahukah Anda?

Trivia Zakat Pulau Pinang

Siri 20

BANTUAN PERMULAAN KE IPT (Bagi Kemasukan Dalam & Luar Negara)

Bantuan ini bertujuan untuk membantu ibu bapa dan pelajar **menampung perbelanjaan awal** semasa mendaftar ke Institusi Pengajian Tinggi sama ada IPTA atau IPTS di dalam dan luar negara.

**PERUNTUKAN TAHUNAN
RM6,000,000.00**

4 Kategori Permohonan

**SIJIL /
MATRIKULASI** **RM600.00**

DIPLOMA **RM800.00**

IJAZAH **RM1,000.00**

**IPT
LUAR NEGARA** **RM2,000.00**



Permohonan dibuka sepanjang tahun

Permohonan adalah sah dalam tempoh 6 bulan pertama daripada surat tarungan.

zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela



COVID 19 BUKAN PENGHALANG MENUNAIKAN ZAKAT

Terima Kasih semua pembayar Zakat!
"Semoga Allah membala (memberi balasan yang baik) apa yang engkau beri dan memberkati harta yang masih ada dan menjadikannya harta yang bersih untukmu"



: Zakat Penang

: www.zakatpenang.com

: 04-5498088

Hubungi kami untuk ke premis anda.
"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"



Jom Zakat dengan JomPAY

ZAKAT PULAU PINANG

Lebih Cepat & Selamat
di musim Covid-19

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela
أمانة عummah ديجا، حق أصناف ديبلا

Langkah-langkah bayaran zakat dengan JomPAY :

1. Layari laman web www.zakatpenang.com
2. Pilih Bayar Zakat & daftar maklumat anda terlebih dahulu melalui Borang JomPAY online.
3. Sila catitkan Biller Code : 1453 dan Ref-1 setelah maklumat pendaftaran JomPAY diisi.

Contoh :

Biller Code : 1453
Ref-1 : 202010080010 (Nombor yang dijana)

Ref-2 : No. kad pengenalan

4. Seterusnya layari mana-mana Perbankan Internet anda untuk proses pembayaran.

Nota : Ref-1 adalah berbeza bagi setiap transaksi dan anda perlu mengisi semula Borang JomPAY online bagi mendapatkan Ref-1 untuk transaksi seterusnya.
Terima kasih pembayar zakat.

zakatpenang

Skim KAFALAH MAHABBAH
Zakat Pulau Pinang

Skim Khairat Kematiat @ tabung sumbangan ikhlas yang diberikan kepada waris Pembayar Zakat (Muzakki) & Penerima Bantuan Bulanan Zakat (Mustahiq)

Syarat-syarat :

Muzakki : Membuat bayaran zakat harta minimum RM100.00 setahun

Mustahiq : Penerima bantuan bulanan zakat dari Zakat Pulau Pinang

Layak menerima RM1,000.00

Maklumat lanjut layari www.zakatpenang.com

"Zakat Pembina Ukuwwah, Pengukuh Khaira Ummah"

zakatpenang

zakatpenang

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Sidang Editor

Ketua Editor

Editor

Jurugambar

EN AMRAN BIN HAZALI

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

MOHAMAD FUAD MD ISA

TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF PENTADBIRAN

**DR. HAJI MOHAMAD
SALLEH ABDULLAH**

PENGURUS BESAR JABATAN
KHIDMAT PENGURUSAN

KHAIROL AZHAR BIN ZULKIFLI

KETUA BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
ZAKAT PULAU PINANG

**MOHAMAD FADZIL
BIN JAMALUDDIN**

**AHMAD AZRUL
BIN HALIT /
MOHD HUSSEIN
BIN MOHD YASSEN**



Zakat Pulau Pinang, No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam



04-549 8088



04-530 6466



1-300-88-8808



admin@zakatpenang.com



www.zakatpenang.com



Zakat Penang



Zakat Penang

Scan Kod
Untuk Kalkulator
Zakat Pendapatan



Scan Kod
Untuk Kalkulator
Zakat Pendapatan



Scan Kod
Untuk Tunai Zakat

